

# TAGUAR TABLET 25MG

Captopril (25mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TAGUAR
2. Bagaimana TAGUAR berfungsi
3. Sebelum mengambil TAGUAR
4. Cara menggunakan TAGUAR
5. Semasa menggunakan TAGUAR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TAGUAR
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan TAGUAR

TAGUAR membantu untuk memastikan tekanan darah anda di bawah kawalan. Ia boleh digunakan secara individu atau bersama-sama dengan ubat-ubatan lain. TAGUAR juga boleh digunakan untuk merawat keadaan lain, contohnya masalah jantung.

## Bagaimana TAGUAR berfungsi

TAGUAR tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil perencat enzim *Angiotensin-converting*(ACE). TAGUAR melegakan saluran darah anda sekaligus menurunkan tekanan darah. TAGUAR juga membantu memperluaskan saluran darah agar dapat memudahkan jantung untuk mengempam darah melaluinya.

## Sebelum mengambil TAGUAR

- **Bila tidak boleh mengambil**
  - jika anda hamil, bercadang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi
  - mempunyai alahan kepada mana-mana bahan TAGUAR atau mana-mana ubat-ubatan lain, termasuk perencat ACE yang lain
  - pernah mengalami reaksi termasuk bengkak pada tangan, bibir, muka atau lidah dimana puncanya tidak diketahui

Jika mana-mana perkara di atas terjadi kepada anda atau anda tidak pasti sama ada mereka memberi kesan sedemikian, maklumkan pada doktor yang boleh memberikan nasihat kepada anda.

- **Sebelum mula mengambil**

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau anda hamil ketika dirawat dengan

TAGUAR. Jangan mengambil TAGUAR jika anda hamil. Jangan menyusukan semasa anda sedang dirawat dengan TAGUAR.

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda:

- mengalami penyakit buah pinggang
- mengalami penyakit hati
- sedang menjalani dialisis
- mengalami penyakit jantung, terutamanya masalah pada injap jantung
- mengalami sakit diabetes,
- mengalami masalah muntah-muntah atau cirit-birit yang berlebihan
- menjalani terapi “immuno-suppressant”

Jika anda mempunyai rawatan *desensitisation* terhadap sengat tabuan atau lebah, anda perlu memberitahu doktor yang merawat anda bahawa anda mengambil TAGUAR.

Jika anda akan menjalani rawatan menyingkirkan kolesterol dari darah anda dengan mesin, (dipanggil LDL apheresis) anda perlu memberitahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil TAGUAR.

Beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil tablet TAGUAR sebelum anda menjalani sebarang ujian darah atau air kencing, dimana tablet TAGUAR boleh menjejaskan keputusan sesetengah ujian tersebut.

- **Jika mengambil ubat-ubat lain**

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan ini:

- Ubat tekanan darah yang lain atau ubat jantung.
- ubat gout dikenali sebagai probenecid
- ubat tenteram yang dikenali sebagai litium
- aspirin (dos yang tinggi)
- ubat tahan sakit yang dikenali sebagai NSAIDs contohnya, diclofenac, mefenamic asid, ibuprofen
- ubat untuk diabetes
- makanan tambahan kalium (sama ada sebagai ubat atau sebagai garam gantian)

Sentiasa beritahu doktor dan ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk herba tonik, makanan tambahan dan ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan TAGUAR

- **Berapa banyak harus digunakan**

Ambil TAGUAR sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada yang diarahkan.

- **Bila perlu digunakan**

Ambil TAGUAR dengan perut kosong, sekurang-kurangnya 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan. Cuba ambil pada masa yang sama setiap hari.

- **Berapa lama perlu digunakan**

TAGUAR mesti diambil secara tetap supaya ia berfungsi dengan baik. Jangan berhenti mengambilnya kecuali jika diarahkan oleh doktor anda. Keadaan anda mungkin menjadi lebih serius jika ubat itu diberhentikan secara tiba-tiba.

- **Jika terlupa menggunakan**

Ambil dos yang terlupa dengan segera apabila anda ingat. Jika hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan kembali kepada jadual biasa anda.

Jangan gandakan dos dalam sebarang keadaan.

Jangan lupa untuk mengambil ubat anda secara tetap. TAGUAR mesti diambil tepat seperti yang diarahkan supaya berkesan. Jika anda sering lupa untuk mengambil ubat anda, beritahu doktor dan ahli farmasi anda.

Jika anda selalu terlupa mengambil TAGUAR, maklumkan pada doktor dan ahli farmasi.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Jika anda atau orang lain mengambil ubat ini secara berlebihan, anda perlu pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

# TAGUAR TABLET 25MG

Captopril (25mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Semasa menggunakan TAGUAR

### • Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil TAGUAR, terutamanya jika anda memulakan ubat baru.

Jika anda hamil ketika mengambil TAGUAR, beritahu doktor anda dengan segera.

Anda perlu minum banyak air semasa mengambil TAGUAR, terutamanya apabila bersenam atau semasa cuaca panas.

Jika anda banyak berpeluh atau tidak minum air yang secukupnya ketika mengambil TAGUAR, anda mungkin berasa pening kepala atau pengan. Ini adalah kerana tekanan darah anda menurun secara tiba-tiba.

Jika anda berasa kurang sihat yang berterusan, beritahu doktor anda.

Jika anda mengalami muntah-muntah atau cirit-birit yang serius semasa mengambil TAGUAR, beritahu doktor anda.

Jika anda bercadang menjalani terapi desensitisation untuk alahan, beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil TAGUAR.

Jika anda perlu menjalani sebarang ujian air kencing, beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil TAGUAR. TAGUAR mungkin boleh menjejaskan keputusan ujian ini.

Berjumpalah dengan doktor anda secara tetap supaya dia boleh memantau perkembangan anda.

### • Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengurangkan dos atau berhenti mengambil TAGUAR tanpa berbincang dahulu dengan doktor anda.

Jangan gunakan TAGUAR untuk merawat penyakit lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.

Jangan beri TAGUAR kepada orang lain, walaupun mereka menghadapi masalah yang sama seperti anda.

### • Perkara yang perlu diambil perhatian

Jangan mengurangkan dos atau berhenti mengambil TAGUAR tanpa berbincang dahulu dengan doktor anda.

Jangan gunakan TAGUAR untuk merawat penyakit lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.

Jangan memberi TAGUAR kepada orang lain, walaupun mereka menghadapi masalah yang sama seperti anda.

## Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. TAGUAR mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan setiap individu akan mengalaminya.

Beritahu doctor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan berikut:

- Loya
- Muntah
- Sakit perut
- Gastrik
- Sembelit
- Anorexia
- Pening dan sakit kepala
- Lesu dan letih
- Tindak balas alahan
- Penyakit berkaitan buah pinggang
- Penyakit berkaitan hati

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) ( Consumers → Reporting )

## Cara penyimpanan dan pelupusan TAGUAR

### • Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan.

### • Pelupusan

Beritahu doctor jika anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat tersebut telah melepasi tarikh luput. Tanya pada ahli farmasi bagaimana untuk mengendalikannya baki ubat tersebut.

## Maklumat lanjut

### • Rupa dan warna

TAGUAR adalah tablet berwarna putih, berbentuk bulat, leper, bercetak pada satu bahagian dan kosong pada satu bahagian yang lain dan berdiameter lebih kurang 8mm.

### • Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi 25mg Captopril.

- Bahan tidak aktif

Di samping itu, TAGUAR juga mengandungi laktosa monohydrate, kanji jagung, selulosa microcrystalline dan asid stearik.

### • Nombor MAL

MAL09102953A

## Pengilang

AUROBINDO PHARMA LIMITED  
Unit III, Survey No. 313, Bachupally Village, Quthbullapur Mandal, Ranga Reddy District, (A.P), India

## Pemegang pendaftaran produk

PRESTIGE PHARMA SDN BHD  
No.22A, Jalan Wangsa Delima 2A,  
Pusat Bandar Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur

## Tarikh kemaskini RiMUP

30/01/2014